

Ekuiti bumiputera dalam syarikat portfolio Ekuinas cecah RM4.4 bilion

KUALA LUMPUR 16 Mei - Ekuiti Nasional Bhd. (Ekuinas) telah meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam syarikat di bawah portfolio pelaburannya kepada RM4.4 bilion atau 1.5 kali modal pelaburan tahun lepas.

Ia meningkat daripada RM3.9 bilion atau 1.4 kali jumlah modal yang dilaburkan pada 2016.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd. Kadir berkata, nilai pemegang saham juga melonjak kepada RM6.3 bilion atau 2.2 kali jumlah modal yang dilaburkan.

Pada tahun sebelumnya, nilai pemegang saham berjumlah RM5.6 bilion atau dua kali jumlah modal pelaburan.

“Tahun lalu, Ekuinas terus mencatat prestasi kukuh dari segi operasi dengan menghasilkan pulangan portfolio kasar sebanyak RM476.7 juta untuk Dana Ekuinas Direct (*Tranche I*), bersamaan dengan pulangan kadar dalaman kasar tahunan (IRR) sebanyak 10.1 peratus dan IRR bersih ta-

ekuinas
EKUITI NASIONAL BERHAD



SYED YASIR ARAFAT

hunan 6.5 peratus,” katanya pada taklimat media mengenai keputusan kewangan Ekuinas 2017 di sini hari ini.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, Dana Ekuinas Direct (*Tranche II*) mencatat pulangan portfolio kasar sebanyak RM391.7 juta, bersamaan dengan IRR kasar tahunan sebanyak 14.6 peratus dan IRR bersih sebanyak 10.2 peratus, katanya.

Sementara itu, Dana Ekuinas Direct (*Tranche III*) mencatat pulangan portfolio kasar sebanyak RM53.9 juta dengan IRR kasar tahunan sebanyak 10.7 peratus.

“Pencapaian setakat ini adalah petunjuk jelas bahawa model ekuiti swasta yang unik sememangnya berjaya meningkatkan permainan untuk perniagaan tempatan dan meningkatkan pe-

nyertaan ekonomi bumiputera,” kata Syed Yasir Arafat.

Sementara itu, Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata, bilangan pelaburan langsung dan penyumberan luar meningkat kepada 58 tahun lepas, dengan jumlah pelaburan komited sebanyak RM3.6 bilion, meningkat daripada 53 pada tahun sebelumnya dengan pelaburan komited sebanyak RM3.0 bilion.

“Ekuinas juga menjana impak positif terhadap ekonomi Malaysia yang lebih luas, yang memudahkan pengagihan ekonomi sebanyak RM4.3 bilion bersama rakan sektor swasta,” katanya.

Mengenai pelan pelaburan 2018, Arshad berkata, Ekuinas telah memperuntukkan RM400 juta dan lebih daripada separuh peruntukan telah dilaburkan sehingga kini.

“Kami menjangka 2018 menjadi tahun yang mencabar bagi pasaran, yang mungkin memberi kesan kepada syarikat portfolio kami disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran seperti perubahan dalam landskap ekonomi dan perniagaan global.